



# **JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

## **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**MASYARAKAT MEMBACA MENGUASAI DUNIA**

**Tarikh Dibaca :**

**20 Jamadilakhir 1441H/  
14 Februari 2020M**

**Disediakan oleh :**

**Cawangan Khutbah dan Latihan  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**MASYARAKAT MEMBACA MENGUASAI DUNIA**

14 Februari 2020M/ 20 Jamadilakhir 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، مُحَمَّدُهُ وَنَسْتَعِينَهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَقْرَأُ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ② أَقْرَأُ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ③ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ④

عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَم ⑤

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dilimpahi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia hingga akhirat.

Kehadiran para jemaah menunaikan kewajiban solat Jumaat pada hari ini sangat dialu-alukan dan marilah kita mengambil pengajaran daripada khutbah hari ini yang membicarakan tajuk, **“Masyarakat Membaca Menguasai Dunia”**.



## Sidang Jemaah yang berbahagia,

Islam adalah agama yang mementingkan ilmu pengetahuan. Perkara ini dapat dilihat menerusi salah satu daripada Maqasid as-Syariah iaitu memelihara akal supaya ia dapat dimanfaatkan untuk mempelajari dan menimba ilmu pengetahuan. Sebagai agama rahmah, Islam sekali-kali tidak akan membiarkan manusia menggunakan akal tanpa tujuan yang benar dan disiplin yang betul. Justeru, Allah SWT menurunkan al-Quran supaya dijadikan panduan hidup dan mengutuskan rasulNya sebagai ikuta dan pembimbing menuju jalan kebenaran. Dengan demikian, akal manusia akan terarah menuju kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT menerusi surah al-'Alaq, ayat 1 hingga 5:

أَقْرَأْ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝١ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝٢ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝٣ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝٤  
عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝٥

Bermaksud: “*Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*”

Ayat tersebut diturunkan sebagai perintah kepada Nabi Muhammad SAW ketika awal penurunan wahyu, sedangkan Nabi SAW ketika itu adalah seorang yang ummi, tidak pandai membaca dan tidak tahu menulis. Peristiwa ini menunjukkan kepentingan membaca kepada umat Islam.

## Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Budaya membaca mempunyai manfaat yang besar dalam kehidupan seseorang. Dengan membaca, pengetahuan umat akan bertambah,



maklumat kian bercambah, ilmu akan berkembang dan kefahaman semakin mendalam. Di samping itu, budaya membaca juga dapat melatih kemampuan berfikir seseorang dan meningkatkan daya kefahaman. Sejarah telah membuktikan bahawa kegemilangan umat Islam suatu ketika dahulu sangat hebat sehingga mampu memimpin ketamadunan manusia dalam segenap bidang ilmu ukhrawi dan duniawi. Mereka menjadi rujukan dalam hal agama, dalam masa yang sama mereka menjadi guru dalam ilmu matematik, sains, geografi, sejarah, bahasa, perubatan, astronomi, teknologi, kimia, fizik dan sebagainya. Karya-karya mereka sehingga kini masih lagi dijadikan rujukan utama di universiti-universiti di Eropah dan negara-negara maju. Benarlah firman Allah SWT menerusi surah al-Mujadalah ayat 11:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Bermaksud: “Supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.”

Dengan perkembangan teknologi masa kini, bahan-bahan bacaan sangat mudah didapati sama ada ia berbentuk cetakan atau digital. Malah dalam bentuk digital, ia lebih mudah untuk dibawa ke mana-mana dan dibaca pada bila-bila masa. Tinggal lagi kemahuan dan keinginan dalam diri kita untuk menghidupkan budaya membaca dalam kehidupan seharian. Cubalah kita bertanya kepada diri sendiri, adakah telefon dan peranti pintar yang kita miliki ini hanya untuk komunikasi dan hiburan semata-mata atau boleh kita jadikan sebagai perpustakaan yang bergerak?

**Hadirin Muslimin yang dimuliakan,**

Dalam usaha menjadikan warganegara Malaysia sebagai warga yang berbudaya membaca, kerajaan telah mengadakan berbagai kempen dan menganjurkan berbagai program. Antaranya ialah Dekad Membaca Kebangsaan yang dicadangkan bermula tahun 2021 hingga 2030. Majlis Pelancaran Dekad Membaca Kebangsaan yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, pada 13 Februari 2020 merupakan salah satu daripada pengisian dalam mempromosikan Dekad Membaca Kebangsaan.

Bagi memastikan ia mencapai keberhasilan yang dihasratkan, kerajaan sedang berusaha memantapkan persekitaran asas galakan membaca dan ketersediaan mental rakyat secara agresif, kreatif dan inklusif melalui Kempen Membaca Kebangsaan selama tiga tahun, iaitu mulai tahun 2018 hingga 2020. Slogan MALAYSIA MEMBACA dipopularkan selaras dengan aspirasi menjadikan Wilayah Persekutuan khususnya dan Malaysia amnya sebagai negara membaca dan melahirkan masyarakat berilmu bertaraf dunia.

Marilah kita mengubah gaya hidup, tanamkan minat membaca kepada diri dan ahli keluarga, jadikan membaca sebagai riadah minda, kunjungilah perpustakaan-perpustakaan, aturkan masa membaca dalam kalangan ahli keluarga, wujudkan sudut membaca di rumah dan lain-lain lagi. Dengan membaca, segala fitnah yang tersebar dapat ditangkis dan masyarakat menjadi matang. Ia juga akan membentuk masyarakat berilmu yang dipandang tinggi oleh negara-negara lain.

**Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**



Budaya membaca juga sangat penting dalam kita mencari maklumat-maklumat berkaitan isu-isu semasa negara dan dunia seperti penularan wabak (Novel Coronavirus). Pengetahuan mengenainya menjadi keperluan supaya kita semua dapat mengambil langkah berjaga-jaga dalam menangani penularannya. Jika wujud sebarang simptom berkaitan, hendaklah segera merujuk kepada hospital dan pihak berwajib.

Tidak dinafikan bahawa penularan wabak ini di seluruh dunia boleh mencetuskan panik dalam kalangan masyarakat. Keadaan ini lebih parah dengan tersebarnya banyak maklumat, berita dan info yang tidak benar mengenainya khususnya di media sosial. Sehubungan itu, khatib berpesan agar kita jangan mudah terpedaya dengan info-info tidak benar, begitu juga info-info lain yang berbaur perkauman, permusuhan, pertelingkahan, kelucahan dan sebagainya. Selidiklah terlebih dahulu maklumat yang diperoleh, rujuklah kepada pihak yang berautoriti dan pihak berwajib bagi mendapatkan maklumat yang benar dan tepat. Dalam masa yang sama kita hendaklah perbanyakkan doa kepada Allah SWT agar kita sentiasa berada dalam kesejahteraan.

### **Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,**

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

**Pertama:** Islam mementingkan ilmu pengetahuan dan menyuruh umatnya agar sentiasa mempertingkatkaninya dari masa ke semasa.

**Kedua:** Kita hendaklah mengamalkan budaya membaca dalam kehidupan seharian dalam usaha menambah ilmu pengetahuan duniawi dan ukhrawi.



**Ketiga:** Kita juga bertanggungjawab menjayakan misi program Dekad Membaca Kebangsaan untuk menjadi masyarakat berilmu yang bertaraf dunia.

Marilah sama-sama kita hayati firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 151:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ ءَايَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ  
الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ﴿١٥١﴾

Bermaksud : “(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (al-Quran) serta hikmah kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا  
سِرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتُوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى  
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.





وَكَذَلِكَ كَبَاهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سِرِي قُدُوْكَ بِكَيْنِدَا رَاَجِ قُرْمَايسُوْرِي اَكُوْعْ،  
تُونكو (Tunku) حَاَجِه عَزِيْزَةٌ اَمِيْنَةٌ مِيْمُوْنَةٌ اِسْكَنْدَرِيَّةٌ بِنْتِ الْمَرْحُوْمِ الْمُتَوَكَّلِ عَلٰى  
اللّٰهُ سُلْطَانِ اِسْكَنْدَرِ الْحَاَجِ .

اللّٰهُمَّ اَحْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّآلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَاِيْمَانٍ، وَاَمْنٍ وَاَمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَاَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّيْنَ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَاَعْلِ كَلِمَتَكَ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ .

رَبَّنَا اَتَمْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .  
عِبَادَ اللّٰهِ،

اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيْتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿١٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.